

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



PERJUMPAAN BERSAMA PENOLONG REKTOR KAMPUS MUKAH

Oleh: Siti Faridah Kamaruddin,
Imelia Laura Daneil, PM Dr Tang Howe Eng,
Muhamad Syukrie Abu Taliip



Gambar: Penghargaan kepada Encik Muhamad Syukrie atas sumbangan memangku tugas Penolong Rektor

Dr. Khadijah Binti Khalid dari Fakulti Sains Gunaan telah dilantik sebagai Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah yang baru bermula 1 Disember 2019 yang lalu. Warga UiTM Mukah telah berkesempatan untuk bertemu beliau buat pertama kalinya di Dewan Kuliah Tellian, UiTM Mukah pada 3 Disember yang lalu di mana Dr Khadijah telah berkongsi beberapa perkara yang menarik kepada semua warga kampus. Pertama sekali, beliau telah berkongsi pengalaman beliau ketika menuntut ilmu di peringkat Doktor Falsafah, tentang bagaimana beliau mampu untuk mendapat *Graduate on Time (GOT)*. Antara nasihat beliau adalah dengan membuat persiapan awal sebelum menyambung PhD dan mengenali pengurusan pangkalan data seperti *Mendeley* dan *EndNote*. Selain itu, beliau turut berkongsi pengalaman peribadi sebelum beliau bersetuju menerima perlantikan ke jawatan Penolong Rektor UiTM Mukah di mana ibu beliau telah memberi dorongan dan sokongan yang kuat sebelum kembalinya ke rahmatullah pada 4 Disember lepas. Beliau turut menasihati staf pentadbiran dan sokongan untuk merebut peluang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi demi peningkatan kerjaya masing-masing.

Antara isu-isu lain yang turut disentuh adalah seperti langkah penjimatan bagi aktiviti yang dirancang di dalam kampus, galakan program mobiliti bagi program baru seperti Diploma Akuakultur dan Pengeluaran Herba serta memantau keadaan persekitaran kampus dari sebarang kerosakan. Dalam perjumpaan yang sama, Encik Muhamad Syukrie Bin Abu Taliip telah diberikan penghargaan kerana telah sudi memangku tugas Penolong Rektor dari 11 September sehingga 30 November 2019. Majlis ini turut diserikan lagi dengan pemberian surat kenaikan pangkat DM54 kepada Profesor Madya Dr Tang Howe Eng. Semoga UiTM Mukah akan berkembang dengan lebih pesat lagi di bawah pentadbiran Dr. Khadijah dan "Selamat tapak gak Mukah" kepada beliau.

Pada 23 November 2019 yang lalu, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Akademik bagi kod kursus INS200 (*Risk And Insurance*). Seramai 131 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar semester 2 dan 5 dari program Diploma Pengajian Perniagaan (BA111) dan Diploma Pengajian Perbankan (BA119) telah menghadiri bengkel pemantapan akademik ini.


Bengkel ini merupakan salah satu usaha yang dilakukan untuk mempersiapkan para pelajar dengan teknik menjawab soalan peperiksaan akhir bagi mengurangkan peratusan kegagalan dalam peperiksaan akhir.

Bengkel dikendalikan oleh 3 orang pensyarah yang mengajar kod kursus ini. Penceramah jemputan merupakan Encik Oswald Timothy Edward dari UiTM Kampus Segamat Johor yang juga merupakan penulis utama buku teks bagi kod ini yang digunakan oleh para pelajar di seluruh sistem UiTM. Encik Oswald juga berpengalaman luas dalam bidang insurans serta penggubalan soalan peperiksaan akhir. Dalam sesi soal jawab, beliau telah berkongsi tentang teknik menjawab soalan peperiksaan dan cara pembelajaran yang berkesan bagi topik-topik tertentu.

Bengkel yang berlangsung dari 8.00 pagi hingga 5.30 petang ini turut melibatkan interaksi aktif para pelajar dengan menggunakan cara pembelajaran terkini iaitu "Kahoot Learning", "Mentimeter" dan beberapa lagi cara *online learning* yang digunakan bagi memantapkan persediaan serta mempelbagaikan cara pembelajaran dan pengajaran.

Bengkel Pemantapan Akademik INS200

Oleh: Carolin Ann Enchas





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578



9 772232 157005